

# MNS beri perhatian kesan cuaca panas

PERUBAHAN cuaca melampau termasuk musim panas yang dijangka melanda bulan depan ekoran fenomena El Nino sedikit sebanyak memberi kesan kepada habitat kehidupan dan mengganggu biodiversiti.

Naib Presiden Persatuan Alam Sekitar Malaysia (MNS), Prof. Dr. Ahmad Ismail berkata, pihaknya bimbang cuaca panas tersebut mengundang kebakaran yang seterusnya menjejaskan habitat haiwan dan tumbuhan.

“Apabila berlaku perubahan cuaca melampau, (maka) akan memberi kesan kepada habitat hidupan liar dan seterusnya kepada populasi dan survival hidupan tersebut,” katanya.

Selain itu, perubahan iklim secara mikro juga boleh menjejaskan proses asas dalam kehidupan seperti proses pendebungaan, pertumbuhan dan proses asas biokimia dan fisiologi haiwan dan tumbuhan

Ahmad yang juga pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata, kebimbangan tersebut ada asasnya dan persediaan wajar dibuat serta dimaklumkan kepada orang ramai.

Banyak lagi isu yang perlu diberi perhatian antaranya kesihatan, pertanian, kekeringan hutan, kebakaran dan sebagainya yang menuntut perhatian dan kesedaran awam.

“Ini bukan sahaja soal kos tetapi juga keberkesannya. Sejauhmanakah kita telah bersedia dengan cuaca panas yang dijangka berlaku?” katanya.

MNS kata beliau, akan membantu memberi pendidikan dan kesedaran secara aktif mengenai isu alam sekitar atau alam semula jadi seperti kepentingan hutan dan

tanah bencah yang menjadi habitat hidupan liar dan untuk keseimbangan ekologi.

“Sekiranya hutan ditebang, iklim mikro akan terganggu dan produktiviti juga terganggu,”ujarnya lagi.

Pengurusan bersepadu antara jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta dan orang ramai bagi memastikan pengurusan hutan baik dapat dilaksanakan.

Banyak pihak kata Ahmad, perlu memberi perhatian terutama agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan dan Jabatan Alam Sekitar.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili yang dipetik oleh *Bernama* baru-baru ini

mengeluarkan kenyataan bahawa satu jawatankuasa khas Kabinet ditubuhkan untuk menghadapi cuaca kering dan fenomena El Nino yang dijangka melanda negara ini.

Beliau berkata, Kabinet telah memutuskan untuk menubuhkan jawatankuasa yang akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan KeTTHA sebagai sekretariat.

“Jawatankuasa Khas Kabinet ini akan memantau impak cuaca kering daripada berbagai aspek termasuk perubahan iklim, kesihatan dan pertanian.

“Selain itu, penubuhan jawatankuasa akan membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi di peringkat nasional yang lebih menyeluruh bagi menyiapiagakan negara untuk berdepan dengan fenomena El Nino ke atas semua sektor ekonomi dan sosial yang menggunakan air,” katanya.

**LAUPA JUNUS**



**DR. AHMAD ISMAIL**